


Penjenamaan 50 tahun Rukun Negara



DR SIVAMURUGAN PANDIAN

Pada 31 Ogos 1970, Rukun Negara telah dilancarkan oleh Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibn Almarhum Sultan Zainal Abidin, Yang di-Pertuan Agong IV. Tahun ini kita meraikan 50 tahun pengistiharan Rukun Negara. Ia merupakan dokumen keramat yang dianggap sebagai ideologi kebangsaan.

Ia tercetus daripada Mesyuarat Perundingan Negara (MPN) pada Januari 1970 yang disertai oleh Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, mendiang Tun Tan Siew Sin dan mendiang Tun V.T Sambanthan bersama wakil dan kumpulan berkepentingan.

Tujuannya adalah untuk mencari formula memulihkan semula garis keetnikan di negara ini, maka lahirlah Rukun Negara. Ketika itu, negara berada dalam darurat. Parlimen dihentikan fungsinya dan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) mentadbir urus negara kerana rusuhan perkauman 13 Mei 1969 yang telah mengambil nyawa dan memusnahkan tanah air ini. Sensitiviti kemanusiaan hilang sehingga ada sekelompok masyarakat membiarkan emosi mengawal diri mereka tanpa melihat kerasionalan untuk bertanggungjawab ke atas 'hak' dan 'kebebasan' yang diraikan seolah-olah ia bersifat mutlak.

Di manakah Rukun Negara hari ini dalam kalangan masyarakat Malaysia? Sirah kebangsaan ini perlu difahami dan didalami agar mana-mana generasi sekalipun tahu bahawa mudah untuk membina Malaysia tetapi hakikatnya tidak mudah untuk membina warga

Pembangunan, modenisasi dan pertumbuhan ekonomi yang tidak seimbang dianggap antara punca mengapa masyarakat perlu disusun semula.

Malaysia. Selepas 50 tahun, kita boleh akui bahawa masih ada segelintir rakyat yang tidak tahu harga nilai menjadi seorang warga Malaysia.

Tidak boleh dinafikan bahawa rakyat Malaysia masih sarat dengan identiti etnik. Maka, identiti nasional dirasakan perlu untuk mengimbangi aset induk negara ini iaitu 'rencam', 'pelbagai', 'berbilang' dan 'majmuk'. Ia juga sebagai kayu ukur kepada kestabilan dan keadaan menentu bagi mewarnai keunikan demografi dan geografi bumi Malaysia ini meren-

tasi Semenanjung, Sarawak dan Sabah.

Rukun Negara adalah manifestasi kepada kesejahteraan, keamanan dan kemuafakatan integrasi warganya. Rukun yang kukuh dalam kalangan rakyat akan turut meneguhkan negara ini. Selepas 50 tahun, kita masih melihat kepentingan dokumen ini kerana sejarah penghasilannya adalah untuk memberi kekuatan kepada kepelbagaian yang dianggap sebagai aset untuk negara.

Hakikatnya hubungan antara etnik masih rapuh walaupun pelbagai usaha berterusan dilakukan oleh pihak kerajaan melalui agensinya. Konsep meraikannya dalam satu keluarga besar masih belum tercapai sepenuhnya. Apakah yang menyekat proses penyatupaduan, kesepaduan dan perpaduan ini?

Penjenamaan Rukun Negara tidak bermakna kita berkompromi dengan kesemua lima prinsip atau sama sekali mengabaikan signifikannya. Penje-

namaannya perlu memberi keutamaan dengan mukadimah yang amat jelas mahu mempertahankan riwayat Malaysia.

Rukun Negara merupakan 'pelindung kepada kontrak sosial' yang dipersetujui ketika kemerdekaan tanah air ini. Penjenamaan perlu bermula daripada kesopanan dan kesusilaan. Tawaran baru tidak boleh membenarkan identiti hybrid kerana Rukun Negara adalah falsafah kebangsaan yang pertahankan kedaulatan dan kemuafakatan.

Zaman sebagai rujukan di belakang buku nota sekolah sudah berakhir. Penghayatan melalui paksaan juga tidak akan menguntungkan. Lima prinsip Rukun Negara sudah baik susunannya, yang perlu dilakukan adalah pencarian kaedah, instrumen atau metodologi untuk mengembalikan roh Rukun Negara.

**Dr Sivamurugan Pandian ialah profesor di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan USM*